



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS WANITA DAN KELUARGA NEGARA BERPERANAN MEMPERKASA WANITA DAN PERKUKUH KELUARGA

**KUALA LUMPUR, 19 Oktober** – Mesyuarat Majlis Wanita dan Keluarga Negara buat julung kali diadakan telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada hari ini. Penubuhan Majlis Wanita dan Keluarga Negara (MWKN) pada awal tahun 2023 merangkumi pendekatan yang lebih komprehensif bagi pemerksaan wanita serta pembangunan keluarga.

Tujuan utama MWKN ini adalah memperkasakan wanita dan menolak sebarang bentuk diskriminasi berasaskan gender sebagaimana peruntukan di bawah Fasal 2, Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan dan juga selaras dengan obligasi dalam konvensyen yang telah diratifikasikan oleh Malaysia iaitu Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Di samping itu, penubuhan MWKN ini juga adalah selaras dengan Dasar Keluarga Negara dalam pembentukan dan pengukuhan institusi keluarga.

MWKN berfungsi sebagai platform untuk semua pihak yang berkepentingan meliputi agensi Kerajaan Persekutuan, wakil sektor swasta, wakil ahli akademik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memberikan pandangan dan idea bagi memperkasakan wanita dan mengukuhkan institusi keluarga secara lebih meluas dan komprehensif. Antara fungsi MWKN ialah:

- (i) Menetapkan hala tuju, dasar serta strategi berkaitan pemerksaan wanita serta untuk memperkukuhkan institusi keluarga.

- (ii) Memberi nasihat serta syor berkaitan isu wanita dan keluarga.
- (iii) Memastikan isu-isu berkepentingan, berimpak tinggi serta merentasi agensi berkaitan wanita dan keluarga yang dibincangkan di peringkat Kementerian dan seterusnya akan di bawa untuk pertimbangan Majlis Sosial Negara.

Tiga (3) Kertas Makluman telah dibentangkan dalam Mesyuarat MWKN pada kali ini iaitu:

- (i) Advokasi Antigangguan Seksual (AGS) oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW);
- (ii) Pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2022-2025 di Peringkat Negeri oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);
- (iii) Kajian Mengenai Penilaian Pelaksanaan Inisiatif Sekurang-kurangnya 30% wanita di Peringkat Pembuat Keputusan di Malaysia oleh Institut Sosial Malaysia (ISM).

Antara pihak Kementerian dan Jabatan yang merupakan rakan strategik KPWKM adalah Kementerian Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM), Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Yang Berhormat Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Yang Berbahagia Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
19 Oktober 2023**